

MOHD KAMARUL AMREE Mohd Sarkam

MOHAMAD ZAIDI Abdul Rahman

BHARUDDIN Che Pa

Universiti Malaya

**PENYERTAAN RAKYAT SECARA KOLEKTIF DI DALAM SISTEM
PERTAHANAN NEGARA MENURUT TEORI LOGIK RASIONAL
DAN TEORI LOGIK EKSPRESIF**

***CITIZEN'S COLLECTIVE PARTICIPATION IN THE NATIONAL
DEFENCE SYSTEM ACCORDING TO RATIONALE LOGIC AND
EXPRESSIVE LOGIC THEORIES***

Penyertaan secara kolektif bermaksud tindakan dua atau lebih daripada seorang individu bagi mencapai sesuatu matlamat dan manfaat yang akan dikongsi bersama. Namun begitu, terdapat juga sesetengah individu yang tidak bersetuju dengan perkara tersebut sehingga membawa kepada penyertaan secara berseorangan. Perkara ini turut berlaku terhadap penyertaan rakyat di dalam sistem pertahanan negara di mana terdapat dua jenis individu: pertama, yang bersemangat tinggi untuk mempertahankan tanah air dan kedua, yang tidak mengambil berat langsung akan hal tersebut. Oleh itu, penggunaan teori-teori penyertaan seperti teori logik rasional dan logik ekspresif dilihat mampu untuk merungkai sejauh mana tahap penyertaan itu diukur samada berdasarkan ganjaran dan insentif penyertaan bagi teori pertama, atau teori kedua tentang ekspresi individu yang menghasilkan nilai-nilai murni di dalam penyertaan. Data kajian adalah bersifat kualitatif melalui kaedah kepustakaan yang melibatkan penganalisaan terhadap sumber-sumber seperti buku, jurnal, tesis dan laman sesawang. Kajian ini mendapati bahawa kedua-dua teori mempunyai kekuatan tersendiri dalam menyelesaikan permasalahan penyertaan secara kolektif dalam sistem pertahanan negara. Namun begitu, teori logik ekspresif lebih sesuai dipraktikkan kerana ianya melibatkan ekspresi dan perasaan cinta yang tinggi terhadap negara, mengatasi ganjaran dan insentif yang bakal diterima daripada penyertaan yang dilakukan.

Kata Kunci: Penyertaan Secara Kolektif, Penyertaan Rakyat, Teori Logik Rasional, Teori Logik Ekspresif, Sistem Pertahanan Negara

Collective participation defined as action by two or more individuals in achieving mutual objectives and benefits. However, there are disagreements leading to individual participation. Disagreements can

also be found in the citizen's participation in nation's defence system where there are two individual types: first, those who are highly enthusiastic in defending the nation and second, the apathetic type. Therefore, applying participating theories such as rationale logic theory and expressive logic theory is seen as capable to unravel the extent that those participations are measured either firstly based on remunerations or participation incentives or secondly on individual expressions that bears positive attributes during participation. Study data are qualitative in nature through literature involving analyses on sources such as books, journals, theses and websites. This study found that both theories have their own strengths in collectively solving the nation's defence system participation problems. However, expressive logic theory is more suitable to be practiced as it includes expression and love for the nation that surpasses the expected incentives and remunerations.

Keywords: *Collective Participation, Citizen's Participation, Rationale Logic Theory, Expressive Logic Theory, Nation's Defence System*

Pengenalan

Konsep penyertaan rakyat secara kolektif dilihat secara umum menfokuskan kepada penglibatan mereka di dalam sistem politik negara samada secara langsung atau tidak langsung yang akan memberi kesan terhadap perlaksanaan dasar dan polisi oleh kerajaan. Tindakan rakyat seperti mengundi di dalam pilihan raya, membayar cukai, menyuarakan pandangan awam adalah merupakan sebahagian manifestasi kerangka '*civic duty*' terhadap negara. Hal yang demikian turut tidak terkecuali terhadap rakyat yang melibatkan diri di dalam sistem pertahanan negara yang memerlukan kesepakatan secara kolektif kerana ianya melibatkan maruah dan kedaulatan sebuah negara. Namun demikian, terdapat juga segelintir individu yang tidak mahu melibatkan diri di dalam mempertahankan tanah air atas alasan ianya merupakan tugas hakiki anggota keselamatan negara seperti tentera dan polis. Mengapakah hal sedemikian boleh terjadi? Mengapa sesetengah individu yang lain tiada masalah dalam melakukan penyertaan? Apakah wujud rangsangan atau motivasi yang menyebabkan seseorang individu untuk melakukan penyertaan secara kolektif? Ianya berbalik kepada 'aktor' iaitu individu itu sendiri yang akan menentukan penyertaan itu menjadi kolektif ataupun tidak.

Lantaran itu, entiti 'aktor' yang dimaksudkan di atas menjadi sebab ke atas kemunculan teori-teori penyertaan secara kolektif seperti teori logik rasional dan teori logik ekspresif. Misalnya teori logik rasional secara umum memberi andaian bahawa sebab utama penyertaan seorang individu secara kolektif adalah bersifat rasional disebabkan faedah yang diterima mengatasi

kos yang perlu ditanggung. Sebaliknya, apabila kos lebih tinggi daripada faedah yang akan dicapai, maka individu tersebut memalingkan diri daripada sebarang penyertaan.¹ Manakala teori logik ekspresif lebih menekankan kepada nilai dan jati diri individu yang terlibat secara kolektif yang di mana ianya melibatkan persepsi, kebersamaan, faedah sesama individu yang boleh dibayangkan dan bersifat konkret.² Maka, bagaimana rakyat perlu memotivasi diri mereka untuk terlibat di dalam mempertahankan negara adalah melihat kepada penyesuaian penggunaan kedua-dua teori tersebut yang di mana ianya selari dengan apa yang ditegaskan oleh Schwartz³ bahawa sesuatu penyertaan itu memerlukan kepada '*multisubjective interpretative approach*' iaitu pendekatan kepelbagaiaan tafsiran secara subjektif. Iannya antara lain bermaksud setiap penyertaan yang dilakukan merupakan manifestasi persembahan di atas kepercayaan yang dianuti serta apa yang diniatkan.

Justeru, artikel ini akan membincangkan konsep penyertaan secara kolektif secara umum berdasarkan kepada kedua-dua teori iaitu logik rasional dan logik ekspresif. Fokus penulisan ini juga akan membahaskan sejauh mana kewajaran dan kesignifikan penggunaan kedua-dua teori tersebut dalam merungkaikan permasalahan penyertaan rakyat di dalam sistem pertahanan negara. Tambahan pula, amat kurang kajian yang mendalam yang mengaitkan teori penyertaan terhadap permasalahan tersebut. Diharapkan artikel ini sedikit sebanyak dapat mencambahkan sorotan literatur kajian berkaitan di samping mewujudkan cadangan bahawa satu model yang konkret berkenaan penyertaan rakyat dalam sistem pertahanan negara akan dibentangkan pada satu hari nanti. Selain itu, penelitian terhadap teori mana yang lebih relevan dan wajar digunakan akan dibincangkan pada akhir perbincangan kajian.

Definisi Penyertaan Secara Kolektif

Teori penyertaan secara kolektif atau '*collective action*' merupakan salah satu subjek utama perbahasan di dalam ilmu sains politik. Ianya menjadi asas justifikasi kepada negara dalam menentukan dasar dan polisi kerajaan terhadap hubungan antarabangsa mahupun urusan domestik seperti yang ditegaskan oleh Elinor Ostrom⁴ seperti berikut:

The theory of collective action is the central subject of political science. It is the core of the justification of the state. Collective action problems pervade international relations, face legislators when devising public budgets, permeate public bureaucracies and are at the core of explanations of voting, interest group formation and citizen control of governments in a democracy.

Menurut Tarrow⁵ pula di dalam membahaskan ‘*collective action*’, beliau berpendapat bahawa:

Collective action takes many forms brief or sustained, institutionalized or disruptive, humdrum or dramatic. Most of it occurs within institutions on the part of constituted groups who act in the name of goals that would hardly raise an eyebrow. It becomes contentious when it is used by people who lack regular access to institutions, act in the name of new or unaccepted claims and behave in ways that fundamentally challenge others. They have power because they challenge opponents, bring out solidarities and have meaning within particular population groups, situations and political cultures.

Berdasarkan pernyataan di atas difahami bahawa konsep penyertaan secara kolektif adalah bersifat subjektif yang memerlukan penafsiran pelbagai serta mendatar di atas lingkungan perbincangan secara logik dan rasional dalam kalangan intelektual politik. Konsep penyertaan dalam politik merupakan rentetan ulasan literatur ilmu politik yang menerbitkan justifikasi ‘*paradox of participation*’ terhadap kesinambungan perbincangan mengikut keadaan dan situasi semasa di samping berpegang kepada teori-teori asal yang wujud sebelum itu. Secara asasnya, penyertaan secara kolektif menurut Sandler⁶ ialah suatu aktiviti yang memerlukan usaha bersepada di antara dua orang atau lebih di dalam satu kumpulan bertujuan untuk mencapai kebaikan dan faedah bersama-sama. Penyertaan secara kolektif juga boleh berlaku disebabkan seorang individu merasakan bahawa akibat daripada penyertaan beliau di dalam politik tidak memberi implikasi yang bagus, maka dia berpendapat cukup hanya meletakkan dirinya di atas keberkesanan hasil usaha orang lain seperti yang dinyatakan oleh Klandermans dan Van Stekelenburg.⁷ Definisi penyertaan secara kolektif daripada sudut ‘sosiologi’ menurut Van Zomeren⁸ memerlukan peranan ‘sokongan sosial’ antara satu sama lain di dalam satu kumpulan yang mana bertujuan untuk keberkesanan daripada sudut kepercayaan dan keterlibatan di dalam arena politik. Manakala penyertaan secara kolektif daripada segi ‘psikologi’ pula dipandang daripada sudut perbuatan untuk menaikkan status individu di dalam satu kumpulan.⁹ Natijahnya, sifat atau tingkah laku individu tersebut boleh berubah menjadi seorang yang terkehadian, berkeyakinan tinggi dan sentiasa merasa simpati terhadap orang lain yang berada bersama-sama dalam kumpulan yang diwakili.¹⁰

Berdasarkan pemahaman terhadap konsep penyertaan secara kolektif, dapat disimpulkan bahawa ianya suatu tindakan daripada dua individu atau lebih dalam merealisasikan hasrat mereka untuk mencapai apa yang diingini dan dikongsi bersama-sama. Hakikatnya, penyertaan secara kolektif tidak semestinya dipersetujui oleh sesetengah individu yang punya kepercayaannya yang tersendiri. Sesetengah individu berpendapat bahawa keterlibatan

mereka dalam protes jalanan bersama kelompok manusia yang ramai dapat menterjemahkan emosi dan perasaan mereka kepada umum, di samping ada individu lain tidak bersetuju bahawa tindakan tersebut sia-sia serta merugikan. Kenapa sesetengah Muslim menggunakan agama Islam sebagai justifikasi tindakan mereka untuk melaksanakan aktiviti keganasan, manakala terdapat sesetengah Muslim lain yang tidak mempersetujui tindakan mereka tersebut? Dan yang terakhir, apakah faktor atau sebab utama sebahagian masyarakat awam yang sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara sementara terdapat individu lain langsung tidak mengambil berat tentang perkara tersebut? Kesemua perihal contoh dan persoalan yang dinyatakan menunjukkan konsep kepelbagaiannya ragam dan sifat manusia yang berbeza-beza mengikut apa yang mereka percaya dan amalkan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Entiti ‘aktor’ iaitu manusia tersebut menjadi faktor untuk diselidik melalui kesan penyertaan dan penglibatan mereka secara kolektif berdasarkan kepada penggunaan teori logik rasional dan logik ekspresif.

Teori Logik Rasional

Karya “*The Logic of Collective Action*” yang muncul pada tahun 1965 merupakan sumbangan terbesar individu bernama Mancur Olson di dalam membahaskan teori penyertaan secara kolektif menurut ilmu sains politik. Karya beliau dianggap berjaya merungkaikan dan menolak kekaburuan teori-teori terdahulu dengan memperkenalkan ‘universal method’ yang berpaksikan kepada perspektif individu (*individual perspective*) dan pengiraan sudut kos ekonomi (*economic calculus*).¹¹ Walaupun sudah berpuluhan-puluhan tahun berlalu, teori logik rasional Olson tetap relevan menjadi sumber rujukan literatur sehingga ke hari ini dan juga tidak terlepas daripada menjadi kritikan secara ilmiah sarjana-sarjana politik kontemporari pada masa kini.¹²

Namun, tidak dapat dinafikan bahawa salah satu keistimewaan teori logik rasional Olson ini ialah penekanan terhadap sikap ‘individualistik’ dalam diri manusia. ‘*Methodological individualism*’ yang digunakan oleh beliau berjaya menjadi sebuah teori yang berkesan dalam mengenal pasti tingkah laku seseorang individu yang bersifat rasional dan cenderung kepada penyertaan secara kolektif. Menurut Czech,¹³ teori-teori yang lama sebelum ini memperjelaskan bahawa manusia itu melalui satu peringkat evolusi di mana pada asalnya bermula dengan kumpulan kecil pemburu menjadi masyarakat yang kompleks sehingga pada akhirnya menyebabkan pembubarannya terhadap kumpulan-kumpulan kecil yang mempunyai semangat kekitaan yang tinggi dan perlindungan secara individu. Ini antara sebab mengapa sebab Olson menolak hujah teori-teori sebelumnya yang menafikan hak individu untuk memberi pandangan secara rasional dalam membuat sesuatu keputusan di dalam satu kumpulan.¹⁴ Walaupun begitu, Olson tidak menafikan secara keseluruhan teori-teori sebelumnya, namun, beliau berpendapat bahawa terdapat kekurangan

daripada sudut penjelasan mengapakah terdapat sesetengah individu terlibat secara kolektif di dalam satu kumpulan manakala yang lain tidak walaupun berkongsi matlamat dan tujuan yang sama.¹⁵ Hal ini perlu diperjelaskan bahawa manusia secara kebiasaannya dalam menjalankan sebarang tindakan mempunyai agenda dan tujuan sebenar yang dinilai melalui tindakan mereka yang bersifat rasional. Jika manusia itu berkehendakkan sesuatu yang memberi manfaat kepada mereka dengan cara mendapatkan simpati dan sokongan orang lain, menjanjikan kebahagiaan dan kesenangan kepada orang lain sebagai tujuan utama adalah merujuk kepada ahli politik atau terma *homo politicus*.¹⁶ Sementara itu, manusia itu sebagai *homo economicus* atau ahli ekonomi apabila mereka itu seorang yang tahu mengambil risiko, pandai membuat perkiraan, bersikap logik dan bijak mendapatkan insetif.¹⁷

Segala andaian terhadap sikap manusia tersebut secara asasnya berlandaskan kepada penetapan rasional pilihan sebelum berlakunya sesuatu tindakan yang akan mendatangkan samada kebaikan atau risiko yang perlu dihadapi selepas itu. Dalam erti kata lain, sesuatu tindakan rasional yang diambil mestilah berkira-berkira terhadap ‘faedah’ dan ‘kos’ (*benefit costs*) yang akan diperolehi selepas itu dan ianya merupakan pilihan individu untuk menentukannya. Hal yang demikian merupakan idea utama yang ditekankan oleh Olson di dalam ‘*rational choice theory*’ yang turut dipersetujui oleh Dicky Sofjan¹⁸ di dalam penulisan beliau:

The extension of this assumption is that any and all actions undertaken by man are attached to some specific identifiable values, and assessed using rational valuations. Any risk is therefore measured against the necessity of an action and the benefits that one accrues from undertaking. Thus, the imagery that emerges is that of an actor, who instinctively calls upon his basic arithmetic skills to decide whether to go ahead with the planned action despite the costs and risks involved or to abandon the idea altogether.

Kegunaan Teori Rasional Dalam Politik

Mengambil salah satu contoh *rational choice theory* tersebut adalah perbuatan mengundi yang dikira sebagai kewajipan dan tanggungjawab sebagai warganegara (*civic duty*) yang mesti dipenuhi oleh rakyat di dalam sebuah negara. Ianya juga merupakan sumbangan dan penyertaan daripada rakyat sebagai lambang aspirasi kesetiaan kepada negara serta penunaian kewajipan sebagai warganegara. Sebaliknya, yang tidak mengundi dikira sebagai tidak menjalankan kewajipan dan mempunyai sifat pentingkan diri sendiri. Menurut Andre Blais,¹⁹ formula pengiraan pengundian atau ‘*calculus of voting*’ yang menyelesaikan permasalahan berkaitan kos, ganjaran, faedah dan kebarangkalian yang akan berlaku semasa proses mengundi. Ianya seperti

$$P = G Ki - K + Tn$$

- P* : Penyertaan individu
G : Ganjaran atau faedah yang dimiliki
Ki : Kebarangkalian dalam menentukan hasil pengundian
K : Kos penyertaan (mengundi)
Tn : Tanggungjawab sebagai warganegara

Oleh itu, dapat difahami bahawa nilai positif individu (*P*) yang terlibat di dalam mengundi seperti berikut: $G Ki + T > K$. Manakala sudut nilai negatif (*P*) iaitu individu yang tidak terlibat dalam mengundi adalah: $G Ki + T < K$. Nilai positif dan negatif yang wujud hasil ganjaran yang didapati daripada perbuatan mengundi secara asasnya bergantung kepada pengiraan sudut kos penyertaan (masa, wang, kenderaan dan lain-lain). Hal ini bermakna penambahan skema *Tn* (tanggungjawab warganegara terhadap negara) seperti yang dilakukan oleh Riker dan Ordershook sedikit sebanyak mengubah persepsi tentang sudut rasional seorang warganegara untuk pergi mengundi.²⁰ Makna kata lain, seorang yang rasional baginya tiada masalah dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara tanpa mengambil kira impak kos yang perlu diterima sebelum dan selepas mengundi.

Keberadaan '*rational choice theory*' itu menyebabkan timbulnya nuansa yang disebut sebagai '*logic of collective action*' yang menjadi hujah konkret bagi Olson. Menurut Olson²¹ yang menggunakan pendekatan '*economic method*' dalam menyelesaikan permasalahan dapatan sosial, terdapat dua jenis logik yang muncul hasil daripada penyertaan secara kolektif iaitu '*collective good*' dan '*selective incentive*'. Apabila seorang individu terlibat secara kolektif di dalam satu kumpulan dengan bertujuan untuk mendapatkan faedah dan ganjaran yang tertentu, secara automatiknya dia berkongsi faedah secara bersama dengan ahli kumpulan yang lain. Hal tersebut yang dipanggil sebagai '*collective good*' iaitu secara tidak langsung mendapat manfaat secara bersama. Manakala terma '*selective incentive*' merujuk kepada penetapan faedah atau insentif secara eksklusif kepada individu di dalam sebuah kumpulan yang terlibat secara aktif serta memberikan kerjasama yang terbaik.²² Kedua-dua jenis logik yang dinyatakan di atas pada hakikatnya tidak lari daripada permasalahan besar yang berlaku di dalamnya. Olson menyedari hakikat bahawa penafsiran berkenaan kos dan faedah di dalam penyertaan secara kolektif adalah masalah utama yang perlu diselesaikan. Secara logiknya, di dalam penyertaan secara kolektif, kesemua ahli bersepakat menanggung kos yang diusahakan bersama-sama dan pada akhirnya akan mendapat ganjaran dan faedah yang juga akan dikongsi bersama-sama. Namun, secara realitnya


tidak begitu disebabkan oleh perbezaan dalam memahami permasalahan terma di antara ‘individu’ dan ‘kumpulan’. Oleh sebab itu Olson telah membuat pembahagian kumpulan kepada tiga jenis untuk menjelaskan kecaburan tentang tanggungan kos dan penerimaan ganjaran dalam permasalahan tersebut. Kumpulan pertama ialah kumpulan kecil yang terdiri daripada individu yang terlibat dan berkerjasama secara kolektif di dalam satu kumpulan. Kumpulan ini dianggap sebagai kumpulan paling berjaya di dalam memastikan kos dan faedah akan ditanggung dan dikongsi bersama-sama kerana ianya mudah untuk diuruskan serta bersifat telus. Kumpulan kedua pula dikenali sebagai kumpulan pertengahan yang di mana setiap individu di dalam kumpulan tersebut tidak mampu untuk mendapatkan ganjaran dan faedah secara sama rata disebabkan perlu menanggung kos yang pelbagai. Akan tetapi ianya masih mudah untuk dipantau kerana memiliki ahli kumpulan yang sederhana dan tidak begitu ramai. Yang terakhir adalah kumpulan besar yang memiliki ramai keahlian dan merupakan masalah terbesar dalam melaksanakan penyertaan kolektif menurut Olson. Hal yang demikian kerana semakin besar suatu kumpulan maka semakin kecil faedah dan ganjaran untuk dimiliki oleh setiap individu. Lebih memburukkan lagi keadaan, akan wujudnya golongan individu yang tidak mahu melibatkan diri dan hanya bergantung kepada individu lain yang terlibat secara aktif. Tujuan mereka adalah untuk mengambil kesempatan atas ganjaran dan faedah yang diterima tanpa melakukan apa-apa tindakan dan ini merupakan kelemahan kumpulan besar daripada sudut pemantauan setiap ahli kumpulan tersebut.²³

Permasalahan ‘Free Ride’

Dapat disimpulkan di sini bahawa faedah dan ganjaran yang diterima secara individu adalah lebih kecil berbanding faedah yang didapati secara berkumpulan dan ianya tidak mampu menanggung kos yang dihadapi sebelumnya. Begitu juga jika semua ahli kumpulan mendapat faedah dan ganjaran secara bersama, maka tidak wujud terma insentif secara tertentu kepada individu (*particular incentive*) dan ini akan memberi implikasi terhadap ‘tiada penyertaan’ atau ‘*non-participation*’ dalam kalangan sesetengah individu.²⁴ Terma ‘*non-participation*’ inilah yang menjadi faktor utama permasalahan di dalam masalah penyertaan secara kolektif. Ianya juga dikenali sebagai terma ‘*free ride*’²⁵ yang dihujahkan oleh Ostrom²⁶ sebagai ‘permasalahan universal’ yang bertujuan untuk mendapatkan manfaat dan ganjaran hasil daripada usaha secara kolektif tanpa melalui penyertaan. Hal ini boleh menimbulkan implikasi buruk terhadap penyertaan secara kolektif di mana individu yang aktif dalam penyertaan akan mempersoalkan ketidakadilan yang berlaku. Jika seorang individu tidak melibatkan diri boleh mendapat hasil manfaat yang sama seperti individu yang terlibat aktif, maka apakah gunanya untuk melakukan penyertaan? Permasalahan ‘*free ride*’ yang berlaku di dalam penyertaan secara

Penyertaan Rakyat Secara Kolektif di Dalam Sistem Pertahanan Negara Menurut Teori Logik Rasional dan
Teori Logik Ekspresif

kolektif boleh difahami menerusi gambar rajah di bawah:



Gambar rajah 1: Permasalahan '*free ride*' di dalam penyertaan secara kolektif

Permasalahan tersebut sangat rumit untuk diselesaikan kerana faktor ‘individu’ dan ‘kumpulan’ seperti yang diperjelaskan di atas. Oleh sebab itu Olson memperkenalkan terma ‘*selective incentive*’ bertujuan untuk membezakan jurang antara yang mendapat ganjaran dan faedah atau tidak sebaliknya. Ianya juga bermaksud bahawa insentif atau ganjaran yang diberi hanya kepada individu yang benar-benar aktif di dalam penyertaan. Sebaliknya yang tidak aktif perlu ditahan pemberian ganjaran ke atas mereka. Hal ini ditegaskan oleh Olson²⁷ seperti berikut:

Group action can be obtained only through an incentive that operates, not indiscriminately, like the collective good, upon the groups as a whole, but rather selectively toward the individuals in the group. The incentive must be selective so that those who do not join the organization working for the group's interest, or in other ways contribute to the attainment of the group's interest, can be treated differently from those who do.

Beliau turut menegaskan lagi bahawa untuk mencapai *collective good* iaitu kebaikan bersama di dalam satu kumpulan hanya dengan melalui kesepakatan bersama dalam menerajui organisasi secara keseluruhan.²⁸ Sebagai contoh mudah misalnya, sebuah perusahaan besar yang terdiri daripada syarikat-syarikat kecil mempunyai kaedah pelaburan saham bersama di mana syarat utama adalah mereka harus sepakat dalam melaksanakan pelaburan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Kesan daripada mematuhi syarat tersebut, faedah-faedah seperti keuntungan, dividen dan sebagainya akan diberikan. Sebaliknya jika tidak patuh maka mereka tiada hak untuk mendapatkan faedah atau ganjaran seperti mana yang telah dipersetujui. Terdapat langkah lain juga yang boleh diambil pertimbangan menurut Olson²⁹ lagi untuk mengatasi

masalah '*free ride*' yang sering berlaku di dalam penyertaan secara kolektif adalah dengan melaksanakan paksaan (*coercion*) ke atas ahli kumpulan yang terlibat bagi menghasilkan kebaikan dan ganjaran yang disepakati bersama-sama (*collective goods*). Ianya merupakan jalan atau alternatif terakhir untuk mencapai tujuan dan kejayaan sebenar di dalam penyertaan secara kolektif. Misalnya, untuk memastikan rakyat mendapat kebaikan dan ganjaran hasil daripada infrastruktur awam, kerajaan perlu memaksa rakyat untuk membayar segala jenis cukai berkaitan sebagai perbuatan timbal balik hasil daripada kebaikan yang diperoleh.

Kritikan Terhadap Teori Rasional

Namun, terdapat beberapa isu berbangkit mengenai keberkesanan teori rasional Olson dalam memahami konsep '*individualism*' yang melibatkan pemahaman berkenaan sikap dan perangai (*behaviour*) manusia apabila melibatkan diri secara kolektif di dalam satu kumpulan. Konsep *individualism* Olson ini telah dikritik oleh Ostrom³⁰ yang menegaskan bahawa manusia yang terlibat di dalam aktiviti sosial kemasyarakatan secara kebiasaannya telah meletakkan satu panduan asas tentang norma sosial untuk diikuti yang menyebabkan mereka cenderung untuk melakukan sesuatu tindakan. Namun, ianya berbeza mengikut sikap individu yang terlibat. Hal ini kerana menurut beliau sesetengah individu lebih bersemangat dalam melakukan aktiviti sosial tersebut jika ianya memberi kelebihan kepada mereka secara perseorangan (individu), manakala sesetengah yang lain lebih bersifat tidak mementingkan diri sendiri dan sanggup berkerjasama sebagai satu kumpulan.³¹ Permasalahan ini yang tidak dapat dikesan oleh Olson dalam membahaskan teori logik beliau terhadap permasalahan kompleks daripada sudut sikap individu. Teori logik ini masih berkisarkan tentang maksud dan tujuan rasional iaitu "*Man is like maximizing pleasure and minimizing pain*" atau dalam erti kata lain keinginan individu dalam mencapai pada tahap tertinggi terhadap faedah atau ganjaran yang diperoleh. Manusia pada kebiasaannya secara individu lebih teruja dalam memastikan keinginan mereka tercapai daripada melihat kegagalan hasil daripada perbuatan tersebut. Hal ini yang ditegaskan oleh fahaman '*institutionalism*' yang berpendapat bahawa sesuatu perbuatan itu dikira rasional ataupun tidak bergantung kepada kefahaman individu mengikut situasi dan konteks yang dialami oleh mereka.³² Pemahaman terhadap konteks tujuan dan matlamat dalam sesebuah kumpulan berbeza-beza. Ini boleh dilihat misalnya sebuah pertubuhan hak asasi wanita yang sememangnya konteks tujuan asal mereka untuk memperjuangkan keadilan untuk wanita menurut perspektif mereka yang tersendiri.

Adapun tentang ukuran tahap rasional terhadap sesebuah kumpulan yang bersifat kolektif kadangkala sangat sukar untuk difahami secara menyeluruh. Masyarakat yang berideologi komunis misalnya, lebih mengerti

berkenaan pengiraan kos dan faedah sepanjang penglibatan mereka di dalam revolusi sehingga wujud sentimen “*dictatorship of the proletariat*” iaitu kemuasanahan sistem kapitalis dan digantikan dengan pemerintahan rakyat biasa (*working class*).³³ Begitu juga yang berlaku terhadap individu yang terlibat di dalam perbuatan jihad. Adalah sukar untuk mengukur tahap rasional bagi mereka yang terlibat di dalam kumpulan jihad tersebut kerana jihad dikenali sebagai perbuatan yang berisiko tinggi melibatkan nyawa individu yang terlibat. Jadi apakah tujuan dan matalamat sebenar individu tersebut? Apakah motivasi atau insentif yang menggalakkan seseorang untuk terlibat di dalam jihad? Jawapan yang boleh dikira tepat dan rasional adalah ganjaran selepas kematian iaitu pahala mati ‘syahid’ yang menjadi idaman setiap pelaku jihad walaupun sebelumnya mungkin ditawarkan ganjaran berupa kebendaan bersifat material seperti harta, wang, pangkat dan sebagainya.³⁴ Motivasi atau insentif yang diterapkan di dalam pelaku jihad juga berbeza-beza bergantung kepada kefahaman dan tahap ilmu mereka.

Kewajaran Teori Rasional Terhadap Penyertaan Rakyat Secara Kolektif di dalam Sistem Pertahanan Negara

Sebagai contoh salah satu medium terbaik penyertaan rakyat secara kolektif di dalam sistem pertahanan negara adalah dengan menyertai Rejimen Askar Wataniah (AW) yang dikenali sebagai salah sebuah pasukan sukarela yang berjaya melahirkan ramai anggota dan pegawai sukarela dalam menjadi tonggak benteng kedua pertahanan negara. Ianya juga sebagai salah satu manifestasi pembuktian yang dikira sebagai berjaya daripada segi praktikaliti konsep pertahanan menyeluruh (HANRUH) di Malaysia.³⁵ Sebagai sebuah pasukan sukarela di bawah seliaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pelbagai promosi dan hebahan telah dilaksanakan bagi menarik minat warganegara untuk menyertai Askar Wataniah (AW). Ini ditambah lagi dengan skema ‘*selective incentive*’ yang menarik yang ditawarkan kepada warganegara sekiranya terlibat secara aktif di dalamnya seperti pemberian elaun latihan merangkumi latihan tempatan dan kem tahanan, duit bounty tahunan, pemberian pakaian seragam tentera, kemudahan kesihatan percuma dan sebagainya. Kesemua ganjaran atau insentif yang dinyatakan sudah cukup menggambarkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan kebajikan anggota askar wataniah terbaik di samping maksud tersirat yang terkandung ialah pembaktian dan khidmat yang ditagih oleh kerajaan kepada rakyat di dalam sistem pertahanan negara.

Perkiraan tentang tahap rasional individu yang terlibat di dalam askar wataniah tersebut diukur bergantung kepada niat dan tujuan sebenar mereka. Adakah penyertaan di dalam askar wataniah disebabkan oleh insentif atau ganjaran menarik yang ditawarkan? Atau adakah menyertai askar wataniah semata-mata untuk menambahkan aktiviti sampingan serta menguatkan

indeks prestasi di dalam kerjaya? Ataupun adakah dengan menyertai askar wataniah merupakan salah satu tanggungjawab utama seorang warganegara yang perlu dilaksanakan demi keamanan dan kesejahteraan tanah airnya? Kesemua persoalan tersebut berbalik kepada persoalan yang lebih utama, kerana apakah rakyat di dalam sebuah negara hendak menyertai sistem pertahanan negara? Atau dalam erti kata lain mengapakah rakyat perlu terlibat serta dalam mempertahankan tanah air? Menjawab persoalan tersebut ianya perlu kembali kepada asas kerangka kedaulatan sebuah negara yang mana salah satunya tertegak di atas kerangka '*civic duty*' iaitu tanggungjawab rakyat kepada negara. Hal ini dapat dibuktikan menerusi sejarah perjuangan generasi terdahulu di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1921, wujud sebuah 'pasukan sukarela' yang dikhurasukan untuk membantu pasukan tentera tetap menentang penjajahan Jepun diikuti dengan penubuhan pasukan '*Home Guard*' pada tahun 1948 untuk menghapuskan gerakan komunis bagi fasa pertama darurat yang berlaku ketika itu.³⁶ Jika dituruti teori logik Olson yang bersandarkan kepada rasional sesuatu keadaan, sudah tentu secara logiknya peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara mestilah berpandukan kepada perkiraan kos dan manfaat yang akan diterima selepas melaksanakan khidmat bakti kepada negara. Ianya antara lain bermaksud '*civic duty*' itu ditafsirkan atas pulangan yang lumayan kepada rakyat bersesuaian dengan usaha yang dikerahkan serta dikeringatkan demi untuk negara. Implikasi buruk yang bakal tercetus adalah kewujudan sesetengah rakyat yang mengambil kesempatan untuk tidak turut serta disebabkan sudah ada yang terlibat seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini.

Teori Logik Ekspresif

Jika sebelum ini teori Olson lebih cenderung membahaskan secara logik dan rasional seorang individu di dalam penyertaan secara kolektif berdasarkan kepada kos dan incentif yang dikira hasil perbuatan tersebut, maka teori seterusnya ini lebih cenderung untuk menekankan tentang sikap rasional seorang individu berdasarkan ekspresi diri dan kemauan mereka di dalam penyertaan secara kolektif. Buku "*A Logic of Expressive Choice*" yang ditulis oleh Alexander Schuessler merupakan sebuah karya yang masih menggunakan pendekatan *rational choice theory*, cuma terdapat beberapa penambahan daripada sudut ekspresi identiti individu dan keperluan untuk bergabung secara kolektif dengan yang lain. Persoalan yang berbangkit, kenapa seseorang melibatkan dirinya dalam sesuatu kumpulan secara kolektif? Kenapa sesetengah individu berminat untuk terlibat di dalam persatuan, badan bukan kerajaan, organisasi amal dan parti politik? Apakah motivasi yang mendorong mereka untuk terlibat di dalam perkara tersebut? Hal ini menurut Schuessler,³⁷ seseorang itu sering kali termotivasi dengan keinginan terhadap sesuatu perkara yang dapat diluahkan melalui pelbagai elemen ekspresi diri

kerana menerusi ekspresi tersebut sebenarnya mempengaruhi corak pemikiran dan gaya hidup mereka. Tindakan ekspresi itu juga mempunyai prinsip yang kukuh iaitu keperluan seorang individu untuk menggabungkan diri secara kolektif dengan individu yang lain yang di mana ianya merupakan tujuan asal teori tersebut.³⁸

Kegunaan Teori Ekspresif Dalam Politik

Pada dasarnya, teori logik ekspresif ini dibina bagi menguatkan literatur kajian berkenaan '*voting principal*' dan '*election outcomes*' iaitu sebagai salah satu perbahasan utama dalam sains politik. Teori ini menjelaskan kenapa manusia atau individu perlu terlibat di dalam proses pengundian di dalam pilihan raya yang menjadi perdebatan dalam kalangan pelopor-pelopor teori rasionalis sehingga timbul konsep berlawanan antara *expressive rationality vs instrumental rationality*.³⁹ Kedua-dua konsep yang dinyatakan berbeza daripada segi hujah tentang kesan selepas undian pilihan raya yang di mana konsep terawal menyatakan satu undi boleh memberi kesan perubahan manakala yang kedua menyatakan ianya tidak membawa perubahan sama sekali.⁴⁰ Menurut Melinda Mueller,⁴¹ realiti yang wujud menurut hujah para rasionalis adalah mengapa masih ada individu yang menyibukkan diri dalam proses mengundi sedangkan mereka tahu bahawa hasil atau insentif yang dimiliki selepas itu tidak setara dengan kos dan usaha yang mereka korbankan? Malah lebih buruk lagi mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengawal serta mempengaruhi berapa ramai jumlah pengundi (*voters turnout*) yang mengundi atau tidak. Maka wujud individu bertindak sebagai *free rider* seperti yang dijelaskan sebelum ini yang mengharapkan usaha orang lain untuk mengubah sesuatu. Hal yang demikian menyebabkan Schuessler menegaskan bahawa penyertaan individu dalam berpolitik seperti mengundi bukan hanya mengharapkan ganjaran semata-mata malahan lebih daripada itu yang melibatkan ekspresi kepuasan di dalam diri. Ianya turut dipersetujui oleh Fieldhouse⁴² di mana menurut beliau mengundi adalah cara untuk mereka meluahkan perasaan (ekspresi) terhadap apa yang mereka percaya dan yakini sebagai salah satu simbolik penggabungan diri mereka dengan orang lain samada secara kolektif atau perseorangan. Besar kemungkinan tahap ekspresi diri yang tinggi boleh mempengaruhi jiwa pengundi dengan merasakan diri mereka adalah calon sebenar yang bertanding di dalam pilihanraya seperti mana yang ditegaskan oleh Schuessler⁴³ seperti berikut:

If participation motivation is not instrumentally rational, outcome oriented or rooted in the domain of doing, then again it should be considered grounded in the expressive domain of being. Rather than viewing individuals' participation in election means to selecting their favoured (assume democratic) candidates, we might additionally view

participation as individuals' expression of their "Democratness", or of their becoming Democrats.

Berbalik kepada perbahasan rasional vs ekspresif, Schuessler berpendapat bahawa teori rasional masih boleh diaplikasikan mengikut keadaan tertentu di samping beliau turut membina teori ekspresif baru yang lebih segar dan relevan dengan situasi politik semasa yang berlaku pada zaman tersebut.

Teori Rasional vs Teori Eskpresif

Mengapakah pilihan teori ekspresif lebih segar dan efektif berbanding teori rasional dalam perbuatan mengundi? Jawapannya adalah berdasarkan kepada kos dan implikasi yang akan diterima selepas pengundian dijalankan. Seperti sedia maklum bahawa teori rasional menekankan kepada '*instrumental rewards*' iaitu ganjaran atau faedah yang akan diterima oleh pengundi selepas proses pengundian melalui ramalan kebarangkalian hasil daripada pilihan raya. Tetapi teori ekspresif yang dibina oleh Schuessler lebih cenderung membincangkan proses sebelum pengundian dijalankan di samping wujud satu model khusus untuk mengkaji dan meramalkan sikap pengundi terhadap calon pilihan raya.⁴⁴ Menurut beliau, dalam hal ini, pakar strategi di dalam kempen pilihan raya telah memainkan peranan penting untuk mempengaruhi pengundi dengan mencipta gambar atau simbol parti, moto kempen dan janji manifesto pilihan raya bertujuan untuk menarik minat mereka mengundi calon parti politik tertentu. Perkara tersebut merupakan kebiasaan di dalam arena politik dalam menggunakan pendekatan '*expressive campaign*' yang bertujuan untuk menimbulkan perasaan samada soal keyakinan atau syak wasangka pengundi terhadap calon parti politik.⁴⁵ Dalam hal ini, Schuessler memberikan contoh yang berlaku dalam situasi kempen politik pilihan raya di Amerika Syarikat yang di mana Ronald Reagan menggunakan moto "*Its Morning Again in America*" dan Bill Clinton dengan motonya "*Building a Bridge to the Twenty-First Century*". Kedua-dua moto tersebut merupakan bukti strategi '*expressive campaign*' yang dicipta oleh pakar strategi politik untuk menimbulkan kesamaran dan rasa was-was pengundi dan dalam pada masa yang sama juga mewujudkan perasaan bersangka baik terhadapnya. Tindakan refleksi hasil daripada perasaan tersebut tidak memaksa pengundi untuk mengundi kedua-dua calon berdasarkan moto atau polisi yang ditawarkan sebaliknya perasaan selesa dan kebersamaan bersama calon adalah sebab utama untuk mengundi seperti yang ditegaskan oleh Schuessler.⁴⁶

Mungkin akan wujud pertanyaan adakah benar individu yang mengundi seorang calon pilihan raya merasa tenang dan selesa dengan pilhannya? Persoalan ini bersifat subjektif kerana ianya terpulang kepada ekspresi individu dalam menterjemahkan perkara tersebut. Jawapan yang boleh dikira hampir konkret untuk menjawab persoalan tersebut adalah melalui

prinsip *civic duty* (tanggungjawab kepada negara) yang perlu disemai kepada seluruh warganegara. Ianya menerbitkan perasaan emosional iaitu cintakan negara dan sedia berkhidmat untuknya dalam apa jua keadaan. Tambahan lagi, tanggungjawab kepada negara (mengundi) merupakan cara luahan ekspresi semula jadi seseorang individu terhadap hal ehwal politik demi kebaikan kepada semua pihak di dalam sebuah negara.⁴⁷ Ianya juga merupakan satu ganjaran kepuasan kepada pengundi dengan memenuhi hasrat minda dan jiwa terhadap penyertaan yang memberikan kebaikan kepada negara. Sebaliknya, warganegara yang tidak mengundi dianggap sebagai pentingkan diri sendiri dan tidak bertanggungjawab terhadap negara. Misalnya, hal demikian boleh dikiaskan dengan penggunaan moto atau kempen ekspresif seperti yang berlaku di Malaysia yang di mana Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memperkenalkan moto iaitu “*kedaulatan negara tanggungjawab bersama*”⁴⁸ yang secara tidak langsung menggalakkan warganegara Malaysia untuk turut serta berganding bahu mempertahankan tanah air sekiranya berlaku sebarang ancaman dan serangan pihak musuh. Jika nilai ekspresif daripada moto tersebut dipandang daripada sudut positif maka ATM tidak akan memiliki sebarang masalah pada masa akan datang dan jika sebaliknya, maka banyak masalah yang akan timbul yang perlu dihadapi oleh negara.

Kewajaran Teori Ekspresif Terhadap Penyertaan Rakyat Secara Kolektif di dalam Sistem Pertahanan Negara

Jika nilai ekspresif dapat diterapkan di dalam individu yang terlibat sebagai pengundi, maka tidak menjadi masalah untuk menggunakan pendekatan tersebut terhadap kajian konsep penyertaan rakyat secara kolektif dalam sistem pertahanan negara. Ini bagi mendapatkan penjelasan sejauh manakah nilai-nilai ekspresif serta nilai rasional sebelum ini mampu memberikan jawapan terhadap elemen-elemen motivasi yang mendorong rakyat untuk pertahankan negara khususnya di Malaysia. Perkara tersebut dapat diujahkan menerusi perlaksanaan program-program yang meningkatkan elemen patriotisme seperti Kadet Remaja Sekolah, Kadet Polis, PALAPES, Kor Suksis, Askar Wataniah, PLKN dan sebagainya.⁴⁹ Hal yang demikian menurut Primoratz,⁵⁰ ianya secara tidak langsung dapat menimbulkan sikap *egocentric patriotism* iaitu sentiasa ikhlas dalam cintakan negara ‘sebagai negaranya’ serta sanggup berkorban untuknya tanpa memikirkan langsung soal berupa ganjaran atau faedah yang bakal diterima selepas itu. Selain itu, terdapat sebuah kajian sebelum ini yang membahaskan penyertaan jihad secara kolektif dalam bentuk politik keagamaan⁵¹ yang telah menggunakan formula penyertaan politik menurut teori ekspresif yang diubah suai sedikit bagi membezakan dengan formula penyertaan menurut teori rasionalis. Perkara yang penting di sini ialah bagaimana pengkaji melihat pengubahsuaian formula tersebut dalam skop kajian terdahulu dapat memberikan gambaran jelas serta manfaat literatur

terhadap skop kajian ini. Pengubahsuai formula juga akan turut berlaku terhadap kajian ini memandangkan penggunaan pemboleh ubah dan skop yang berbeza dengan kajian sebelum ini. Formula ekspresif yang diubah suai adalah seperti berikut⁵²:

$$P = Gi - K (- Ki + k) + Tn + Ta$$

P	: Penyertaan individu
Gi	: Ganjaran kerohanian yang dimiliki
Ki	: Kebarangkalian dalam menentukan hasil penyertaan
K	: Kos penyertaan
k	: Lebihan kos penyertaan menurut perspektif sekular
Tn	: Tanggungjawab sebagai warganegara
Ta	: Tanggungjawab kepada agama

Beberapa perubahan ketara dapat dilihat daripada sudut pengekodan dan tambahan maklumat bagi elemen-elemen formula. Misalnya, terdapat perubahan serta penambahan kod baharu iaitu kod Ta di samping kod Tn dikekalkan. Sebab utama penambahan kod Ta tersebut bagi mewakili warganegara Malaysia yang beragama khususnya agama Islam. Manakala maklumat tambahan lain bagi elemen-elemen formula adalah seperti kod Gi dan k seperti di atas. Alasan utama mengapa kedua-dua kod tersebut termasuk dalam kurungan kod K adalah kerana perbezaan sudut pengiraan kos penyertaan menurut perspektif kerohanian dan sekular. Hal yang demikian terdapat perbezaan ketara di antara kedua-dua perspektif yang di mana yang terawal mengambil kira ganjaran di dunia dan di akhirat, manakala yang kedua mengharapkan ganjaran di dunia semata-mata mengikut kebiasaan fahaman secara instrumental rasionalis.⁵³ Seperti yang ditekankan sebelum ini dalam kedua-dua teori logik samada rasional mahupun ekspresif, ‘kos penyertaan’ merupakan pencetus utama kepada berlakunya penyertaan atau ianya juga boleh menjadi sebab halangan utama kepada penyertaan. Justeru, rumusan formula penyertaan mengikut model ekspresif boleh diramalkan seperti berikut:

$$P = Gi + Ki + Tn + Ta > k \text{ (menunjukkan nilai penyertaan yang positif)}$$

$$P = Gi + Ki + Tn + Ta < k \text{ (menunjukkan nilai penyertaan yang negatif)}$$

Seperti kebiasaan, nilai positif merujuk kepada keinginan mendalam seseorang untuk terlibat secara kolektif. Sebaliknya nilai negatif pula bermaksud tiada keinginan dan kemauhan untuk terlibat serta. Jika kajian terdahulu hanya membincangkan skop yang tertumpu kepada gerakan jihad yang mana formula tanggungjawab tersebut khusus kepada agama sahaja. Tetapi di dalam kajian ini mengfokuskan kepada penyertaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum

dan agama sememangnya memiliki sedikit keunikan daripada sudut pengiraan ‘kos penyertaan’ iaitu kod *K* dan penjelasan terhadap formula *Tn* dan *Ta* ‘tanggungjawab kepada negara dan agama’ yang menjadi perbahasan utama kajian. Semestinya pemahaman tentang mempertahankan negara itu berbeza antara orang Islam dengan bukan Islam khususnya di Malaysia. Kerana orang Islam percaya bahawa tanggungjawab mempertahankan negara merupakan sebahagian daripada tanggungjawab agama yang pada hukum asalnya merupakan *fardhu kifayah* (tanggungjawab secara kolektif)⁵⁴ iaitu tugas hakiki anggota keselamatan seperti angkatan tentera, polis dan sebagainya. Namun begitu, hukum *fardhu kifayah* boleh berubah kepada hukum *fardhu ‘ayn* iaitu menetapkan kewajipan kepada semua warganegara untuk terlibat dalam mempertahankan kedaulatan negara jika keadaan memaksa bersandarkan kepada kriteria-kriteria tertentu yang diperakui oleh syarak.⁵⁵ Manakala bagi yang bukan Islam pula tanggapan mereka terhadap penyertaan di dalam mempertahankan negara memiliki perbezaan daripada sudut fahaman dan kepercayaan agama masing-masing. Andaian yang mungkin boleh dirumuskan ialah melalui elemen-elemen ekspresif dan motivasi yang mendorong mereka melakukan penyertaan seperti ganjaran materialisme, penyemaian sikap toleransi, perpaduan yang utuh antara kaum dan semangat patriotisme yang tinggi serta cintakan tanah air. Hal tersebut yang memberikan ganjaran kesepaduan sosial yang begitu berharga di dalam teori logik ekspresif.⁵⁶ Kesemua elemen-elemen motivasi dan ekspresif tersebut juga boleh turut didapati di dalam diri seorang Muslim mahupun bukan Islam dengan syarat mesti mempunyai nilai ekspresif yang positif. Oleh yang demikian, perbandingan tersebut dapat disimpulkan melalui jadual 1 di bawah:

1. Konsep <i>fardhu ‘ayn</i> dan <i>fardhu kifayah</i>	Muslim	Ada
	Bukan Muslim	Tiada
2. Ganjaran materialisme, toleransi, perpaduan dan patriotisme	Muslim	Ada
	Bukan Muslim	Ada

Jadual 1: Perbandingan elemen ekspresif dan motivasi bagi penyertaan Muslim dan bukan Muslim di dalam sistem pertahanan negara

Teori logik ekspresif ini juga tidak lari daripada permasalahan seperti *non-participation* dan *free ride*. Sebagai contoh, mengikut undang-undang peperangan, jika berlaku peperangan di dalam sebuah negara, hak-hak keselamatan wanita, kanak2 dan orang tua perlu dijaga dan dibela. Mereka juga tidak digalakkan pergi ke medan perang walaupun besar kemungkinan di dalam hati mereka wujud ekspresif motivasi yang tinggi untuk memelihara kedaulatan negara dan tanah air serta juga berkeinginan untuk mati syahid.

Tindakan ekspresif yang dinyatakan itu diluahkan tanpa melalui penyertaan (*non-participation*) di dalam medan pertempuran. Tetapi perlu difahami di sini bahawa (*non-participation*) itu tidak bermaksud secara mutlak iaitu berdiam diri tidak melakukan apa-apa, walhal mereka sebenarnya boleh melibatkan diri di belakang tabir medan peperangan iaitu dengan memberi sokongan moral kepada pejuang, menyumbang sumber kewangan, menyediakan khidmat bantuan kesihatan dan sebagainya. Hal ini seperti mana yang ditetapkan dan dipersetujui di dalam hukum syariat Islam.⁵⁷ Permasalahan *free ride* pula pada dasarnya menurut Schuessler⁵⁸ yang berpendapat bahawa masalah ini tidak sesekali akan timbul dalam logik ekspresif kerana nilai penyertaan tersebut bersandarkan kepada ‘realiti semasa’ ketika berlakunya penyertaan dan bukannya hasil daripada penyertaan. Pengkaji tidak menafikan teori Schuessler tersebut, cuma ianya perlu dilihat sejauh mana asas hujah tersebut boleh diguna pakai terhadap isu seperti penyertaan di dalam sistem pertahanan negara. Bagi pengkaji, terma *free ride* boleh wujud dalam teori logik ekspresif ini melalui penolakan individu untuk terlibat secara kolektif mengikut situasi dan keadaan. Ianya tampak seperti tiada beza dengan permasalahan *free ride* dalam teori logik rasional dan terma *non-participation* seperti yang telah diperjelaskan di atas. Apa yang membezakannya ialah ketidakwujudan elemen motivasi ekspresi dan emosional di dalam jiwa seorang individu untuk melakukan penyertaan dan melepaskan tanggungjawabnya kepada orang lain. Sebagai contoh, seorang individu yang menganggap perbuatan mempertahankan kedaulatan tanah air itu adalah sebagai *fardu kifayah* sekalipun negara dilanda perpeperangan dan masih menganggap ianya sebagai tugas tentera dan polis sahaja sedangkan sudah jatuh hukum kepada *fardu 'ayn* iaitu wajib kepada seluruh warganegara untuk mempertahankan kedaulatan negara. Akibatnya, negara akan mengalami kemusnahan teruk akibat daripada sikap tidak bertanggungjawab individu yang tidak memiliki elemen motivasi ekspresif serta perasaan emosional dalam semangat cintakan tanah air. Masalah ini perlu diperhalusi dan diselesaikan dengan rasional serta berhemah demi memastikan masa depan negara dan generasi yang akan mendatang memiliki jiwa ekspresif dan semangat patriotik yang tinggi dalam memelihara kedaulatan tanah air tercinta.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan di dalam bab ini bahawa konsep penyertaan rakyat secara kolektif merupakan salah satu bab penting dalam perbahasan ilmu sains politik. Hal yang demikian menjadi pencetus kepada kewujudan penyertaan secara kolektif di kalangan rakyat yang bersifat pragmatik terhadap isu-isu berbangkit di dalam politik seperti proses pengundian, pembayaran cukai dan lain-lain. Kewujudan teori logik rasional dan logik ekspresif turut sedikit sebanyak memberi penjelasan tentang konsep penglibatan rakyat di dalam sistem

pertahanan negara berdasarkan kepada pengiraan daripada sudut kos, nilai dan faedah hasil daripada penyertaan. Jika dituruti secara rasional, penyertaan akan berlaku disebabkan oleh faedah dan ganjaran yang bakal diterima hasil daripada tambah dan tolak bagi kos yang telah dikeluarkan. Jika penyertaan yang bersifat ekspresif pula lebih cenderung kepada perasaan dan emosi yang terbit di dalam penyertaan itu sendiri. Ianya antara lain bermaksud, faedah dan ganjaran yang diterima hasil daripada penyertaan tersebut berpunca daripada nilai ekspresif dalam diri seorang individu di samping pengiraan tentang kos tidak menjadi isu utama di dalam penyertaan. Justeru, kedua-dua teori tersebut dapat memberikan gambaran sebenar tentang realiti penyertaan, namun teori logik ekspresif lebih sesuai untuk dimanfaatkan terhadap isu penglibatan rakyat dalam mempertahankan tanah air kerana elemen ekspresif jati diri manusia yang melibatkan emosi dan perasaan cinta yang tinggi terhadap negara dan tanah air.

Nota Akhir

1. Mancur Olson, *The Logic of Collective Action: Public Goods and the Theory of Groups*, Cambridge: Harvard University Press, 1971.
2. Alexander A. Scheussler, *A Logic of Expressive Choice*, New Jersey: Princeton University Press, 2000.
3. Joel D Schwartz, “Participation and Multisubjective Understanding : An Interpretivist Approach to the Study of Political Participation”, *Journal of Politics*, 46(4), 1984, hlm. 1118.
4. Elinor Ostrom, “A Behavioral Approach to the Rational Choice Theory of Collective Action”, *The American Political Science Review*, 92(1), 1998, hlm. 1.
5. Sydney Tarrow, *Power in Movements, Social Movements, Collective Action and Politics*, New York: Cambridge University Press, 1994, hlm. 3.
6. Todd Sandler, *Collective Actions: Theory and Applications*, Michigan: University of Michigan Press, 1992, hlm. 18.
7. B. Klandermas and J. Van Stekelenburg, “Social Movements and The Dynamics of Collective Action”. Dlm. L. L. Huday dan J. S. Levy (pnyt.), *The Oxford Handbook of Political Psychology*, Oxford: Oxford University Press, 2013, hlm. 34-35.
8. M. Van Zomeren, R. Spears and C. W. Leach, “Exploring Psychological Mechanism of Collective Action: Does relevance of Group Identity Influence How People Cope With Collective Disadvantage”, *British Journal of Social Psychology*, 47, 2008, hlm. 362-363.
9. S. Wright, D. Taylor and F. Moghaddam, “Responding to Membership in a Disadvantaged Group: From Acceptance to Collective Protest”, *Journal of Personality and Social Psychology* 58(6), 1990, hlm. 996.

10. G. Agronick and L. Duncan, "Personality and Social Change: Individual Differences, Life Path and Importance attributed to the Women's Movement", *Journal of Personality and Social Psychology*, 74, 1998, 1546. Lihat juga: T. Shriver, A. Miller and S. Cable, "Women's Work: Women's Involvement in the Gulf War Illness Movement", *The Sociological Quarterly*, 44, 2003, hlm. 640.
11. Slawomir Czech, "Mancur Olson's Collective Action Theory 50 Years Later: A View From the Institutionalist Perspective", *Journal of International Studies*, 9(3), 2016, hlm. 114.
12. Hal ini boleh dilihat daripada lambakan kajian-kajian literatur selepas itu yang cuba untuk memenuhi kelompongan teori Olson yang disifatkan sebagai memiliki kekurangan daripada sudut aspek dapatan empirikal terhadap rasionalisasi individu di dalam 'collective action'. Sila lihat dengan lebih lanjut: Elinor Ostrom, "Collective Action and the Evolution of Social Norms", *Journal of Economic Perspectives*, 14(3), 2000, hlm. 137-139.
13. Slawomir Czech, "Mancur Olson ' s Collective Action Theory 50 Years Later. A View from The Institutionalist Perspective", hlm. 115.
14. Ibid.
15. Ibid.
16. Malte Faber, Reiner Manstetten dan Thomas Petersen, "Homo Economicus and Homo Politicus: Political Economy, Constitutional Interest and Ecological Interest", discussion papers, University of Heidelberg, February 1997, hlm. 4.
17. Ibid., 4-5.
18. Dicky Sofjan, "Participation in Jihad as a Politico-Religious Form of Collective Action" (tesis kedoktoran, National University of Singapore, 2004), hlm. 33.
19. Formula yang diperjelaskan di atas telah diubah suai mengikut skema tulisan Bahasa Melayu yang di mana pada asalnya skema tersebut di dalam Bahasa Inggeris seperti berikut: $R = B P - C + D$. Silat lihat: Andre Blais, Robert Young and Miriam Lapp, "The Calculus of Voting: An Empirical Test", *European Journal of Political Research*, 37(1), 2000, hlm. 182-183. Lihat juga: William Riker and Peter Ordeshook, "A Theory of the Calculus of Voting", *American Political Science Review*, 62(1), 1968, hlm. 28.
20. Ibid., hlm. 28-29.
21. Mancur Olson, *The Logic of Collective Action*, hlm. 49.
22. Ibid., hlm. 50-51.
23. Ibid., hlm. 46.
24. Ibid., hlm. 52.
25. Terma free ride ini merupakan permasalahan utama yang berlaku di dalam penyertaan secara kolektif. Ianya muncul dalam kalangan

- individu yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan faedah atau ganjaran hasil daripada penyertaan aktif individu lain tanpa diri mereka melakukan sebarang penglibatan. Lihat selanjutnya: Mancur Olson, *The Logic of Collective Action*, 48.
26. Elinor Ostrom, *Governing the Commons: The Evolution of Institutions for Collective Action*, New York: Cambridge University Press, 1990, hlm. 33.
 27. Mancur Olson, *The Logic of Collective Action*, hlm. 51.
 28. Ibid., hlm. 52.
 29. Ibid.
 30. Elinor Ostrom, “A Behavioral Approach to the Rational Choice Theory of Collective Action”, hlm. 2.
 31. Ibid., hlm. 2-3.
 32. Michael Douglas, *How Institutions Think*, London: Routledge, 2012, hlm. 57.
 33. L. Baradat and P. Baradat, *Political Ideologies: Their Origins and Impact*, New Jersey: Prentice Hall, 1999, hlm. 86.
 34. Dicky Sofjan, “Participation in Jihad as a Politico-Religious Form of Collective Action”, hlm. 38.
 35. Muhamad Ridzuan Hashim, Mohamad Faisol Keling dan Nazariah Osman, “Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) di Dalam Sistem Pertahanan Malaysia”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5 (2), 2020, hlm. 46-50.
 36. Ahmad Fawzi Mohd Basri, *Askar Wataniah: Warga Pembela Nusa*, Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat KEMENTAH, 1998, hlm. 15-16.
 37. Alexander A. Scheussler, *A Logic of Expressive Choice*, hlm. 4.
 38. Ibid., hlm. 5.
 39. Mark N. Franklin, *The Dynamics of Voter Turnout in Established Democracies since 1945*, New York: Cambridge University Press, 2004, hlm. 14.
 40. George Kirchgassner, “Towards a Theory of Low-Cost Decisions”, *European Journal of Political Economy*, 8, 1992, hlm. 310.
 41. Melinda A. Mueller, “Book Review on A Logic of Expressive Choice”, *Journal of Political Ecology*, 8, 2001, hlm. 49.
 42. Edward Fieldhouse, “Being a Voter: Developing a Survey Instrument for Expressive Voting”, *Journal of Elections, Public Opinion and Parties*, 29(3), 2018, hlm. 319.
 43. Alexander A. Scheussler, *A Logic of Expressive Choice*, hlm. 18.
 44. Ibid., hlm. 35.
 45. Ibid., hlm. 35-36.
 46. Ibid., hlm. 36.
 47. Arye L. Hillman, “Expressive Behavior in Economics and Politics”,

48. Merupakan moto yang dibuat sempena sambutan Hari Angkatan Tentera Malaysia yang ke-87 yang disambut pada 16 September setiap tahun di Malaysia. Sila lihat: Fareez Azman, "Hari ATM ke-87: Empat Teras Utama digariskan Perkukuh Pertahanan Negara", laman sesawang *Astro Awani*, diakses 22 September 2020, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hari-atm-ke-87-empat-teras-utama-digariskan-perkukuh-pertahanan-negara-258860%famp=1>
49. Ku Hasnita Ku Samsu dan Mohd Haizam Mohd Nor, "Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia", *Jurnal JATI*, 16, 2011, hlm. 26.
50. Igor Primoratz, "Patriotism: A Deflationary View", *The Philosophical Forum*, 33, 2002, hlm. 445-446.
51. Dicky Sofjan, "Participation in Jihad as a Politico-Religious Form of Collective Action", hlm. 10-11.
52. Ibid., hlm. 45.
53. Perbezaan tersebut sangat ketara dan jelas dalam kajian tersebut yang menggambarkan lengkungan daripada kedua-dua perspektif pada model yang dipaparkan di samping garisan kos menjadi penimbang tara bagi memastikan keseimbangan jawapan bagi teori. Lihat perbincangan selanjutnya dalam: Ibid., hlm. 44.
54. Merupakan salah satu hukum dalam agama Islam yang menjelaskan tentang tanggungjawab kolektif yang dipikul oleh sebahagian daripada umat yang memiliki kebolehan dan kepakaran tertentu contohnya seperti pengurusan jenazah. Hukum ini terangkat terhadap umat Islam yang lain selagi ada individu atau kumpulan yang melaksanakannya. Untuk penjelasan lebih lanjut sila lihat kajian berikut: Mohamad Zaidi Abdul Rahman dan Raja Hisyamuddin Raja Sulong, "Pengaruh Perubahan Dalam Pembinaan Hukum Siyasah Syar'iyyah", *Jurnal Syariah UM*, 16, 2008, hlm. 18-19.
55. Abu Muhammad Ibn Abdullah Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, jil. 8 Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000, hlm. 13. Lihat juga: Yusuf al-Qardawi, *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamihi wa Falsafatihifi Daw'al-Qur'an wa al-Sunnah*, jil. 3, Qahirah: Maktabah Wahbah, 2009, hlm. 1292.
56. Arye L. Hillman, "Expressive Behavior in Economics and Politics", hlm. 5.
57. Majid Khadduri, *War and Peace in the Law of Islam*, Baltimore: John Hopkins Press, 1955, hlm. 60-61.
58. Alexander A. Scheussler, *A Logic of Expressive Choice*, hlm. 20.

Rujukan

- Ahmad Fawzi Mohd Basri. 1998. *Askar Wataniah: Warga Pembela Nusa*. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat KEMENTAH.
- Alexander A. Scheussler. 2000. *A Logic of Expressive Choice*. New Jersey: Princeton University Press.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2009. *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamih wa Falsafatihi fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Andre Blais, Robert Young and Miriam Lapp. 2000. The Calculus of Voting: An Empirical Test. *European Journal of Political Research*. 37(1): 182-183.
- Arye L. Hillman. 2010. Expressive Behavior in Economics and Politics. *European Journal of Political Economy*. 26(4): 4-5.
- B. Klandermans and J. Van Stekelenburg. 2013. Social Movements and The Dynamics of Collective Action. Dlm. L. Huddy and J. S. Levy (pnyt.), *The Oxford Handbook of Political Psychology*, hlm. 34-35. Oxford: Oxford University Press.
- Dicky Sofjan. 2004. Participation in Jihad as a Politico-Religious Form of Collective Action. Tesis kedoktoran. National University of Singapore. hlm. 33.
- Edward Fieldhouse. 2018. Being a Voter: Developing a Survey Instrument for Expressive Voting. *Journal of Elections, Public Opinion and Parties*. 29(3): 319.
- Elinor Ostrom. 1990. *Governing the Commons: The Evolution of Institutions for Collective Action*. New York: Cambridge University Press.
- Elinor Ostrom. 1998. A Behaviorial Approach to the Rational Choice Theory of Collective Action. *The American Political Science Review*. 92(1): 1.
- Fareez Azman. 10 September 2020. Hari ATM ke-87: Empat Teras Utama digariskan Perkukuh Pertahanan Negara. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com./berita-malaysia/hari-atm-ke-87-empat-teras-utama-digariskan-perkukuh-pertahanan-negara-258860%famp=1> [22 September 2020].
- G. Agronick and L. Duncan. 1998. Personality and Social Change: Individual Differences, Life Path and Importance attributed to the Women's Movement. *Journal of Personality and Social Psychology*. 74: 1546.
- George Kirchgassner. 1992. Towards a Theory of Low-Cost Decisions. *European Journal of Political Economy*. 8: 310.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Ibn Abdullah. 2000. *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Igor Primoratz. 2002. Patriotism: A Deflationary View. *The Philosophical Forum*. 33: 445-446.

- Joel D Schwartz. 1984. Participation and Multisubjective Understanding : An Interpretivist Approach to the Study of Political Participation. *Journal of Politics*. 46(4): 1133.
- Ku Hasnita Ku Samsu dan Mohd Haizam Mohd Nor. 2011. Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. *Jurnal JATI*. 16: 26.
- L. Baradat and P. Baradat. 1999. *Political Ideologies: Their Origins and Impact*. New Jersey: Prentice Hall.
- M. Van Zomeren, R. Spears and C. W. Leach. 2008. Exploring Psychological Mechanism of Collective Action: Does relevance of Group Identity Influence How People Cope With Collective Disadvantage. *British Journal of Social Psychology*. 47: 362-363.
- Majid Khadduri. 1955. *War and Peace in the Law of Islam*. Baltimore: John Hopkins Press.
- Malte Faber, Reiner Manstetten dan Thomas Petersen. 1997. Homo Economicus and Homo Politicus: Political Economy, Constitutional Interest and Ecological Interest. Discussion papers. University of Heidelberg. February 1997. hlm. 4.
- Mancur Olson. 1971. *The Logic of Collective Action: Public Goods and the Theory of Groups*. Cambridge: Harvard University Press.
- Mark N. Franklin. 2004. *The Dynamics of Voter Turnout in Established Democracies since 1945*. New York: Cambridge University Press.
- Melinda A. Mueller. 2001. Book Review on A Logic of Expressive Choice. *Journal of Political Ecology*. 8: 49.
- Michael Douglas. 2012. *How Institutions Think*. London: Routledge.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman dan Raja Hisyamuddin Raja Sulong. 2008. Pengaruh Perubahan Dalam Pembinaan Hukum Siyasah Syar'iyah. *Jurnal Syariah UM*. 16: 18-19.
- Muhamad Ridzuan Hashim, Mohamad Faisol Keling dan Nazariah Osman. 2020. Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) di Dalam Sistem Pertahanan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5(2): 46-50.
- S. Wright, D. Taylor and F. Moghaddam. 1990. Responding to Membership in a Disadvantaged Group: From Acceptance to Collective Protest. *Journal of Personality and Social Psychology*. 58(6): 996.
- Slawomir Czech. 2016. Mancur Olson's Collective Action Theory 50 Years Later: A View From the Institutionalist Perspective. *Journal of International Studies*. 9(3): 114.
- Sydney Tarrow. 1994. *Power in Movements, Social Movements, Collective Action and Politics*. New York: Cambridge University Press.
- T. Shriver, A. Miller and S. Cable. 2003. Women's Work: Women's Involvement in the Gulf War Illness Movement. *The Sociological Quarterly*. 44: 640.

- Penyertaan Rakyat Secara Kolektif di Dalam Sistem Pertahanan Negara Menurut Teori Logik Rasional dan Teori Logik Ekspresif
- Todd Sandler. 1992. *Collective Actions: Theory and Applications*. Michigan: University of Michigan Press.
- William Riker and Peter Ordeshook. 1968. A Theory of the Calculus of Voting. *American Political Science Review*. 62(1): 28.

Nota Biografi

Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam (kamarul@upnm.edu.my) merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Siyasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan Pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Mohamad Zaidi Abdul Rahman (PhD) (mzaidi@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Siyasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau berkepakaran dalam bidang sistem politik Islam, pemikiran politik Islam, isu-isu penyertaan politik dan hak asasi manusia menurut Islam.

Bharuddin Che Pa (PhD) (bharudin@um.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Siyasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau berkepakaran dalam bidang pemikiran politik Islam, kepimpinan Islam dan institusi politik Islam.